



---

## KENYATAAN MEDIA

### **PELANTIKAN PENGERUSI BAHARU FELCRA BERHAD**

*YB Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub Pengerusi Baharu FELCRA Berhad*

**Kuala Lumpur, 02 Oktober 2021 – FELCRA Berhad (“FELCRA”)** mengumumkan pelantikan YB Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub selaku Pengerusi baharu, berkuat kuasa 1 Oktober 2021.

#### **Lembaga Pengarah FELCRA Berhad:**

*“FELCRA Berhad menyambut baik pelantikan YB Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub sebagai Pengerusi baharu syarikat, yang dilihat sebagai satu langkah strategik dalam memacu komitmen Pengurusan Tertinggi FELCRA Berhad menjayakan Pelan Transformasi dan Halatuju Strategik ke arah kelestarian Syarikat sekaligus kesejahteraan 112,479 Para Peserta dan keluarga mereka, serta Masyarakat Luar Bandar di sekitar 1,420 projek FELCRA di seluruh pelusuk Negara.”*

*Pengalaman mendalam dan meluas YB Datuk Ahmad Jazlan Yaakub dalam mensejahterakan luar bandar sebagai Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, dan juga sebagai mantan peneraju Lembaga Minyak Sawit Malaysia serta Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara bakal menyokong padu dan mengemudi fokus Transformasi FELCRA Berhad ke arah penambahbaikan syarikat.”*

**YBhg. Dato' Mat Roni bin Zakaria, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FELCRA Berhad:**

***“Pengurusan Tertinggi FELCRA Berhad komited untuk menjayakan matlamat dan amanat YB Datuk Ahmad Jazlan Yaakub serta ahli-ahli Lembaga Pengarah, dalam menyokong usaha-usaha Transformasi FELCRA Berhad ke arah pembangunan projek terancang berdasarkan agrikultur berteknologi tinggi, baik di bawah usaha Mandat Sosial mahupun usaha Perniagaan Komersil syarikat.***

***InshaaAllah, dengan pengalaman dan kebolehan YB Pengurus, pelbagai inovasi dan inisiatif dapat diperkenalkan demi penambahbaikan proses operasi dan tadbirurus syarikat, beserta langkah-langkah proaktif dalam menangani norma baharu dugaan endemik Covid-19, selaras dengan Halatuju Strategik syarikat untuk mencapai kesinambungan dan kemampanan korporat demi kelestarian Syarikat.”***

Seluruh barisan Lembaga Pengarah, Pengurusan Tertinggi, Warga Kerja, Pesara dan Peserta FELCRA Berhad mengucapkan tahniah di atas pelantikan ini dan FELCRA Berhad amat optimis YB Datuk Haji Ahmad Jazlan Yaakub dapat menyokong usaha syarikat ke arah kecemerlangan, berdasarkan intipati Pelan Transformasi dan Halatuju Strategik FELCRA Berhad yang diluluskan Majlis Jemaah Menteri Malaysia baru-baru ini pada bulan Ogos 2021.

Matlamat utama FELCRA Berhad sentiasa dan terus berpaksikan kesejahteraan Warga Peserta sebagai tanggungjawab Mandat Sosial, dan perkembangan Usaha Komersil dalam melestarikan Syarikat.

**-Tamat -**

---

## **Profil Pengerusi FELCRA Berhad**

YB Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub berusia 57 tahun dan berasal dari Kelantan. Beliau adalah lulusan Sarjana Pengurusan Perniagaan (MBA) dari University of West Scotland, United Kingdom, dan turut memegang Post Graduate Diploma in Business Administration (PGDBA) serta Professional Diploma in Entrepreneurship (Level 4) dari London Examinations Board (LEB).

Antara tahun 2015 – 2018, beliau diberi tanggungjawab sebagai Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).

Beliau pernah menerajui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sebagai Pengerusi di antara tahun 2020 sehingga 2021, dan juga Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) di antara tahun 2015 sehingga 2016. Di antara tahun 2013 sehingga 2015, beliau menggalas tanggungjawab sebagai Pengerusi Majlis Sukan Negeri Kelantan. Beliau juga pernah mengemudi Persatuan Bola Sepak Negeri Kelantan (KAFA) sebagai Presiden antara tahun 2004 sehingga 2007.

YB Datuk Haji Ahmad Jazlan Yaakub juga aktif dalam usaha-usaha sosial dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Dari tahun 2018 sehingga terkini, beliau telah dilantik sebagai Penolong Kanan Pesuruhjaya Kehormat Jabatan Penjara Malaysia. Beliau juga telah dilantik sebagai Penolong Pesuruhjaya Kehormat Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) sejak tahun 2017 sehingga ke kini. Antara tahun 2017 sehingga 2018, beliau menggalas tanggungjawab sebagai Timbalan Menteri Mentor untuk Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan juga Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Dari tahun 2016 sehingga kini, beliau juga dilantik sebagai Penolong Pesuruhjaya Kehormat Pertahanan Awam (APM).

YB Datuk Haji Ahmad Jazlan Yaakub telah dianugerahkan Darjah Panglima Jasa Negara (P.J.N) pada tahun 2010, yang membawa gelaran Datuk, atas jasa-jasa beliau kepada Negara. Pada tahun 2017, beliau telah dianugerahkan Darjah Cemerlang Seri Melaka (D.C.S.M), yang membawa gelaran Datuk Wira, atas usaha-usaha beliau dalam membawa pembangunan kesejahteraan luar bandar untuk Negeri Melaka. Pada tahun yang sama juga, beliau telah dianugerahkan Darjah Jiwa Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia (D.J.M.K), yang membawa gelaran Dato', atas jasa-jasa beliau dalam pembangunan pelbagai sektor terutamanya beliau dan kesukanan bagi Negeri Kelantan.

---

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Unit Brand dan Komunikasi  
FELCRA Berhad  
**PER: En. Aditya Adri Saleh Ab Rahim**  
Pengurus Besar Brand dan Komunikasi  
[adit@felcra.com.my](mailto:adit@felcra.com.my)  
+6013 – 666 6667

Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Luar Bandar  
**PER: Pn. Norainis Mohd Noor**  
Ketua Komunikasi Korporat  
[norainis@rurallink.gov.my](mailto:norainis@rurallink.gov.my)  
+603 8891 5944

---

## **Mengenai FELCRA Berhad**

**FELCRA Berhad** merupakan sebuah Syarikat Korporat milik Menteri Kewangan (Diperbadankan), dan dibawah penyeliaan Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

*FELCRA asalnya telah ditubuhkan pada tahun 1966 sebagai badan berkanun, dan dikenali sebagai Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah atau Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority (FELCRA). FELCRA dipertanggungjawab untuk memajukan kawasan luar bandar dengan membuka peluang kepada masyarakat luar bandar menyertai aktiviti ekonomi bagi menjana pendapatan.*

*Pada tahun 1997, FELCRA telah dikorporatkan dan bertukar status daripada badan berkanun kepada sebuah entiti Syarikat Korporat milik penuh Kerajaan.*

*Kini, FELCRA Berhad menelusuri beberapa bidang perniagaan secara proaktif seperti perladangan, pembajaan, harta tanah dan pembinaan, pendidikan dan penghasilan makanan termasuk ternakan tenusu.*

*Visi FELCRA Berhad adalah untuk menjadi Organisasi Perusahaan Sosial Termantap (social enterprise powerhouse) dalam sektor pertanian dan makanan demi mencapai misinya, iaitu untuk menjaga kepentingan ekonomi dan sosial Para Pesertanya serta mengaplikasi agri-teknologi dalam mempelopori agenda Dasar Jaminan Makanan Negara.*

*Terkini, FELCRA Berhad telah memajukan seluas 220,086 hektar ladang bagi pihak 112,479 orang Peserta merangkumi 1,420 Projek Penyatuan dan Pemulihan, serta 33,145 hektar estet milik syarikat FELCRA Berhad.*